BERITA HARIAN, RABU, 13 DISEMBER, 1978

$48 juta dilabur untuk beli saham

KUALA LUMPUR, Selasa — Yayasan Pelaburan Bumiputera telah melabur $48 juta untuk membeli saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, butir-butir lanjut mengenai kegiatan yayasan itu akan diumumkan tidak lama lagi.

Beliau, yang merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian selepas menerima kunjungan rombongan 11 orang Ahli Senet Turki di pejabatnya di sini pagi semalam.

Yayasan Pelaburan Bumiputera ditubuhkan beberapa bulan lalu dengan peruntukan permulaan $200 juta bertujuan membeli saham-saham syarikat asing yang dikhaskan kepada Bumiputera.

Yayasan tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ditubuhkan untuk membantu Kompleks Kewangan menjalankan kegiatan bagi kepentingan masyarakat Bumiputera.

Kegiatan yayasan itu pula akan menentukan harga pasaran saham Bumiputera tidak jatuh dan pemegangnya dapat menjual balik dengan mudah dan harga berpatutan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia